

# Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Oleh Marzukhi Nyak Abdullah

Terdapat dua ragam ayat dalam bahasa Melayu, iaitu ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif. Dua perkara yang membezakan ayat aktif daripada ayat pasif ialah kedudukan subjek dalam ayat dan kata kerja yang digunakan. Dalam ayat aktif, subjek menjadi judul ayat itu dan kata kerja yang digunakan ialah kata kerja aktif transitif yang berimbuhan meN-....

## Contoh ayat aktif:

- a) Anak anjing Ah Leng mengejar kucing jantan Mariappen.
- b) Kucing jantan Mariappen mengejar anak anjing Ah Leng.

Ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan objek (objek dijadikan judul) dan kata kerja pasif yang berimbuhan di-..., teR-..., beR-..., ke-...-an atau mempunyai kata kena sebelum kata kerja. Kata kerja pasif (kata kerja dasar) tidak menerima sebarang imbuhan bagi kata pasif diri pertama dan diri kedua.

## Contoh ayat pasif:

- a) Kucing jantan Mariappen dikejar oleh anak anjing Ah Leng.
- b) Anak anjing Ah Leng dikejar oleh kucing jantan Mariappen.
- c) Anak anjing Ah Leng terkejar oleh saya tadi.
- d) Kucing jantan Mariappen terkejar adik saya.
- e) Baju sekolah saya sudah berbasuh.
- f) Baju itu belum bergosok.
- g) Kami kehujanan semasa menjalani latihan bola sepak semalam.
- h) Anak kucing jiran saya kelaparan kerana jiran saya sudah tiga hari pergi melancong.
- i) Perompak yang merompak kedai emas itu sudah kena tangkap.
- j) Beberapa ekor kera liar yang memasuki rumah saya sudah kena tembak.

## 1 KATA KERJA TRANSITIF TANPA IMBUHAN

Biasanya, semua kata kerja transitif aktif menerima awalan meN-... kecuali kata makan dan minum.

### Contoh ayat daripada kata makan dan minum:

- a) Pada ketika itu, kami sedang **makan** sate di sebuah gerai di Kajang.
- b) Kanak-kanak itu sudah **minum** air mineral yang diberikan kepada mereka.

## 2 KATA KERJA BERAWALAN MEN-... TANPA OBJEK (KATA KERJA TAK TRANSITIF)

Kata kerja transitif aktif digunakan dalam ayat aktif transitif yang mengutamakan subjek ayat sebagai judul. Objek yang mengikuti kata kerja transitif aktif terdiri daripada kata nama, frasa nama, atau klausa komplemen. Namun begitu, terdapat juga ayat transitif aktif yang tidak mempunyai objek kerana objek kata kerja transitif aktif dalam ayat itu digugurkan.

Kekeliruan yang dihadapi oleh pengguna bahasa Melayu adalah untuk membezakan kata kerja transitif aktif daripada kata kerja tak transitif yang berawalan meN-.... Hal ini mudah difahami kerana ayat mempunyai kata kerja transitif aktif dapat dipasifkan, tetapi ayat yang mempunyai kata kerja tak transitif tidak dapat dipasifkan.

### Contoh kata kerja tak transitif yang berawalan meN-... dalam ayat:

- a) Syarini akan **mendjadi** seorang pegawai tentera apabila ditauliahkan kelak.
- b) Budak-budak itu berlari sambil **menyanyi** di padang sekolah.
- c) Padi di sawah nenek sudah **menguning**.

Walaupun dikatakan semua kata kerja transitif aktif mesti menerima objek, tetapi tetapi terdapat banyak juga kata kerja transitif aktif yang tidak diikuti oleh objek kerana objek kata kerja transitif aktif itu digugurkan (berlaku proses pengguguran objek dalam ayat). Namun begitu, ayat berkenaan masih juga gramatis.

### Contoh ayat transitif aktif yang objeknya boleh digugurkan:

- a) Bapa saya sedang **mengarang** di dalam biliknya. (objek yang digugurkan: buku, cerpen, novel, sajak, dan sebagainya)
- b) Emak **memasak** di dapur. (objek yang digugurkan: gulai, dalca, nasi, dan sebagainya)
- c) Adik sedang **melukis**. (objek yang digugurkan: gambar kucing, gambarajah, graf, dan sebagainya)
- d) Saya telah **memancing**. (objek yang digugurkan: ikan di dalam kolam itu)
- e) Mereka sudah **makan** pagi tadi. (objek yang digugurkan: nasi lemak, roti canai, pisang goreng, dan sebagainya)

Ayat aktif transitif di atas tidak dapat dipasifkan sekiranya objek selepas kata kerja transitif aktif tidak dinyatakan. Hal ini demikian kerana dalam proses pemasifan ayat, objek dalam ayat aktif transitif perlu dijadikan subjek dalam ayat pasif. Oleh itu, sekiranya ayat-ayat di atas hendak dipasifkan, maka objek dalam ayat itu perlu dinyatakan dan tidak boleh digugurkan.

### Contoh ayat pasif daripada ayat aktif transitif di atas:

- a) Buku (cerpen, novel, sajak, dan sebagainya) sedang **dikarang** oleh bapa saya di dalam biliknya.
- b) Gulai (dalca, nasi, dan sebagainya) **dimasak** oleh emak di dapur.
- c) Gambar kucing (gambar rajah, graf, dan sebagainya) sedang **dilukis** oleh adik.
- d) Ikan di dalam kolam itu telah **saya pancing**.
- e) Nasi lemak (roti canai, pisang goreng, dan sebagainya) sudah **dimakan** oleh mereka pada pagi tadi.

Selain itu, terdapat kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif yang menerima awalan teR-.... Banyak pengguna bahasa Melayu kurang sedar bahawa terdapat sebilangan kata kerja yang menerima awalan teR-... terdiri daripada kata kerja transitif aktif kerana kata kerja itu mesti diikuti oleh objek dan kata kerja transitif aktif yang mengekalkan awalan teR-... apabila dipasifkan.

### Contoh ayat aktif transitif dengan kata kerja transitif aktif yang berawalan teR-... :

- a) Saya **tersepak** batu tajam itu ketika berlari di padang.
- b) Dalam pertandingan itu, Badang **terangkat** balak yang berat.
- c) Anak kecil saya **termakan** masakan yang pedas.
- d) Adakah kamu **terbaca** buku yang tebal itu?
- e) Ibu **terhidang** lauk yang basi kepada tetamu.

Semua ayat di atas dapat dipasifkan apabila kata nama atau frasa nama yang mengikuti kata kerja transitif aktif berawalan teR-... itu dijadikan judul dalam ayat pasif. Walaupun bentuk kata kerja transitif aktif itu tidak berubah dan dikekalkan, tetapi kata

sendi nama oleh tidak boleh digugurkan dalam ayat pasif dengan kata kerja transitif pasif berawalan teR-.... termasuk ayat pasif diri pertama dan ayat pasif diri kedua. Ayat pasif dengan kata kerja transitif pasif berawalan teR-... daripada bentuk ayat aktif transitif di atas ialah:

- a) Batu tajam itu **tersepak oleh saya** ketika berlari di padang.
- b) Dalam pertandingan itu, balak yang berat **terangkat oleh Badang**.
- c) Masakan yang pedas **termakan oleh anak kecil saya**.
- d) Adakah buku yang tebal itu **terbaca oleh kamu**?
- e) Lauk yang basi **terhidang oleh ibu** kepada tetamu.

Selain itu, terdapat sebilangan kata kerja transitif aktif yang menerima apitan meN-...-kan dan meN-...-i mempunyai dua objek, iaitu objek tepat dan objek sipi.

### Contoh ayat aktif transitif dengan dua objek:

- a) Ketika di Madinah, saya **membelikan** Syarini sebentuk cincin.
- b) Ibu sedang **membacakan** adik syair Burung Pingai.
- c) Syamsul **mengirim** ibunya wang pada setiap bulan.
- d) Hakim telah **menjatuhi** pengedar dadah itu hukuman gantung.

Sekiranya ayat-ayat aktif transitif dengan dua objek di atas hendak dipasifkan, maka objek tepat hendaklah dijadikan subjek dalam ayat pasif. Hal ini dapat dilihat dalam ayat-ayat di bawah:

- a) Ketika di Madinah, Syarini saya **belikan** sebentuk cincin.
- b) Adik sedang **dibacakan** syair Burung Pingai oleh ibu.
- c) Ibunya **dikirimi** wang oleh Syamsul pada setiap bulan.
- d) Pengedar dadah itu telah **dijatuhi** hukuman gantung oleh hakim.

## LATIHAN

- (i) Tulis semula ayat-ayat aktif di bawah ke dalam ragam ayat pasif tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.
- (a) Kami memancing ikan di dalam kolam itu pada hujung minggu.
- (b) Mereka menyertai peraduan itu kerana suka-suka sahaja.
- (c) Semua pelajar yang mengambil peperiksaan SPM tahun lalu sudah mendapat keputusannya.
- (d) Pelajar yang berjaya akan menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran mereka kelak.
- (e) Saya tidak menyangka bahawa abang saya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan itu.
- (f) Kamu mesti memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan pada akhir tahun.

[6 markah]

- (ii) Tulis semula ayat-ayat pasif di bawah ke dalam ragam ayat aktif tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.

- (a) Novel yang memenangi peraduan itu telah saya.
- (b) Batu yang berat itu terangkat oleh kami.
- (c) Ular tedung itu kena pukul oleh bapa saya.
- (d) Perompak yang merompak bank itu ditangkap oleh polis.
- (e) Masalah itu perlu anda selesaikan dengan segera.
- (f) Masakan yang pedas itu termakan juga oleh adik saya.

[6 markah]

Jawapan minggu lalu di muka surat 8